

Bil. 15

Isnin

13 Ogos 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Op Gading Yang Telah Menimbulkan Rasa Cemas dan Kerisauan
Pekebun-pekebun di Cameron Highlands**
- *YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)* [Halaman 1]
- **Memohon untuk Pembinaan Jambatan Kedua di Pekan Papar**
- *YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)* [Halaman 7]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 13 Ogos 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

**Op Gading Yang Telah Menimbulkan Rasa Cemas dan Kerisauan
Pekebun-pekebun di Cameron Highlands**

2.34 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Operasi Gading telah dilancarkan di Cameron Highlands sejak Disember 2014 yang mana kerajaan pada ketika itu menyatakan bahawa ia adalah bertujuan sebagai penguatkuasaan terhadap penerokaan dan pencerobohan tanah kerajaan secara haram dan membasmi pendatang asing tanpa izin. Mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, telah menyatakan bahawa jumlah kos yang terlibat sejak Op Gading I yang bermula pada tahun 2014 sehingga Op Gading III pada tahun 2017 adalah sebanyak RM246.5 *million*.

Op Gading melibatkan 16 agensi, antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan pegawai dari Pejabat Peguam Negara. Adalah dilaporkan bahawa dari 4 Disember 2014 sehingga 10 Julai 2015, sebanyak 1,813.9 hektar tapak pertanian haram di Cameron Highlands sudah dibersihkan menerusi Op Gading. Sejak dari masa itu, beribu-ribu hektar pertanian tersebut telah dibersihkan dan dirobuhkan.

Pendekatan yang digunakan oleh Op Gading telah menimbulkan rasa cemas dan kerisauan pekebun-pekebun di Cameron Highlands, khususnya pekebun-pekebun

kecil kerana ketakutan tanah kebun yang telah diusahakan bertahun-tahun dimusnahkan atas nama pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Walaupun mantan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Yang Berhormat Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyatakan bahawa pekebun-pekebun kecil yang diusir akibat Op Gading boleh memohon bantuan daripada kerajaan negeri untuk penempatan semula, namun sehingga kini, ramai antara pekebun kecil ini masih tidak memperoleh *temporary occupation license* (TOL) seperti yang dijanjikan.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Mengenai Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah di Cameron Highlands telah menyenaraikan langkah-langkah untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil, termasuk mempertimbangkan pemberian permit penggunaan tanah kepada pengusaha haram yang sudah beroperasi lebih 30 tahun yang membabitkan kawasan seluas 229.2 hektar. Persoalannya, berapa permit telah diberikan kepada mereka yang layak?

Saya percaya bahawa warga Cameron Highlands hendak tahu sejauh manakah kejayaan dan kegagalan Op Gading yang dilaksanakan sepanjang masa ini. Juga adalah perlu untuk kerajaan sekarang untuk menyemak semula pendekatan yang diguna pakai dalam Op Gading yang telah menimbulkan rasa cemas dan kerisauan pekebun-pekebun kecil dan seterusnya menggugat sumber pendapatan kehidupan seharian mereka. Pekebun-pekebun kecil di Cameron Highlands juga hendak tahu sama ada kerajaan akan mendengar keluhan mereka dan mempertimbangkan supaya Op Gading ditamatkan. Sekian daripada saya, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Tuan Yang di-Pertua, Operasi Gading ataupun Op Gading merupakan satu operasi khas secara bersepadu yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri bersama-sama agensi-agensi penguatkuasaan persekutuan dan negeri bagi melaksanakan program pemulihan Cameron Highlands di negeri Pahang akibat daripada tindakan pencerobohan haram tanah-tanah kerajaan dan hutan simpan daerah tersebut bagi tujuan pertanian.

Kesan daripada pengusahaan tanah dan pertanian secara haram ini ialah tanah runtuh dan banjir lumpur sering berlaku di Cameron Highlands. Bencana ini bukan sahaja merosakkan harta benda penduduk, malah menyebabkan kehilangan nyawa. Misalnya tragedi

banjir dan tanah runtuh yang berlaku pada 5 November 2014 di Cameron Highlands telah mengakibatkan lima nyawa terkorban. Ekoran daripada tragedi ini, beberapa siri mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh mantan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah memutuskan supaya satu operasi khas secara bersepadu yang dinamakan Op Gading dilaksanakan.

Dalam operasi ini, MKN (Majlis Keselamatan Negara) bersama-sama agensi berkaitan membuat tindakan menahan pendatang tanpa izin, merobohkan penempatan dan penanaman tidak sah serta mengambil tindakan terhadap pengusaha tanah secara haram di Cameron Highlands. Op Gading I secara rasminya mula dilaksanakan pada bulan Disember 2014 dan tamat pada Disember 2015. Dalam operasi ini, seluas 5,580 ekar tanah yang dicerobohi dan diusahakan secara haram telah berjaya dikenal pasti. Daripada jumlah tersebut, 4,675 ekar ataupun 83.78 peratus telah berjaya diambil tindakan penguatkuasaan.

Op Gading I telah dilanjutkan menjadi Op Gading II oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands Bil. 1/2016 yang dipengerusikan secara bersama dengan mantan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 12 April 2016. Selain daripada membuat pemantauan terhadap tanah-tanah yang telah diambil tindakan penguatkuasaan, Op Gading 2 juga turut memberi perhatian kepada usaha untuk:

- (i) memastikan tiada pencerobohan tanah-tanah baharu;
- (ii) membebaskan Cameron Highlands daripada kehadiran pendatang asing tanpa izin; dan
- (iii) melestarikan Cameron Highlands sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia.

Ops. Gading II ini ditamatkan secara rasmi pada 31 Disember 2016.

■1440

Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands Bil. 1/2017 yang dipengerusikan secara bersama oleh mantan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada 7 Mac 2017 telah memutuskan supaya Op Gading II dilanjutkan menjadi Op Gading III. Mesyuarat ini juga telah membuat keputusan untuk memindahkan 13 buah rumah Orang Asli yang menghadapi risiko tanah runtuh di Kampung Sungai Tiang ke kawasan yang lebih selamat. Selain itu, mesyuarat ini juga turut menyokong keputusan Kerajaan Negeri Pahang memberikan lesen pendudukan sementara ataupun TOL kepada pengusaha haram

yang telah lebih 10 tahun mengusahakan tanah yang mempunyai keluasan di bawah lima ekar. Mesyuarat ini bersetuju supaya Jabatan Imigresen Malaysia mengeluarkan pas lawatan kerja sementara kepada pendatang tanpa izin di Cameron Highlands bagi tujuan penggajian semula.

Mesyuarat itu juga mencadangkan satu program gotong-royong membersihkan sungai yang melibatkan masyarakat setempat termasuk pengusaha haram dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) diadakan di Cameron Highlands. MKN sekali lagi dilantik sebagai agensi peneraju dalam Op Gading III dan diarahkan supaya membuka sebuah pejabat satelit di Cameron Highlands bagi mewujudkan koordinasi yang lebih berkesan antara agensi.

Tumpuan utama Operasi Gading III adalah melakukan pemantauan terhadap pencerobohan semula tanah-tanah yang telah diambil tindakan di samping mengekang pembukaan tanah-tanah baharu. Dalam melaksanakan Op Gading III ini, MKN juga dibantu oleh Pasukan Gerakan Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi melaksanakan pemantauan dari udara. Mesyuarat turut memutuskan supaya sesi *engagement* diadakan secara berterusan dengan penduduk-penduduk kampung, pengusaha tanah dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) sepanjang Op Gading III berlangsung.

Semasa Op Gading III ini juga, Seri Paduka Baginda Pemangku Raja Pahang telah bertitah pada 29 September 2017 supaya Op Gading diteruskan dan satu sub unit tentera darat ditempatkan di Cameron Highlands bagi membantu pemantauan dan penguatkuasaan Op Gading. Op Gading III telah tamat secara rasmi pada 31 Disember 2017. Namun sebelum itu, sidang MKN Bil. 9/2017 yang dipengerusikan oleh mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 November 2017 telah membuat keputusan untuk meneruskan Op Gading ke fasa selanjutnya iaitu Op Gading IV bagi meyakinkan rakyat bahawa kerajaan amat prihatin terhadap keselamatan penduduk-penduduk di Cameron Highlands.

Lanjutan daripada keputusan sidang MKN tersebut, mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highlands Bil. 1/2018 di Putrajaya pada 11 Januari 2018. Mesyuarat tersebut bersetuju:

- (i) supaya MKN meneruskan peranan sebagai agensi peneraju dan menyelaras pelaksanaan Op Gading IV di Cameron Highlands secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang;
- (ii) supaya 13 buah rumah Orang Asli yang di perkampungan Sungai Tiang

tidak perlu dipindahkan dengan syarat projek mitigasi cerun dibuat secara berterusan dan mendatangkan keadaan yang dijamin selamat kepada penduduk;

- (iii) supaya sub unit Tentera Darat dan sub unit Pasukan Gerakan Am (PGA) ditempatkan secara berterusan di Cameron Highlands bagi tujuan *show of presence* dan membantu penguatkuasaan terhadap kegiatan penerokaan ataupun pencerobohan tanah kerajaan secara haram serta membasmi pendatang tanpa izin dalam Op Gading IV;
- (iv) supaya pihak Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands membuat semakan dan penilaian semula (*review*) terhadap 629 permohonan Lesen Pendudukan Sementara ataupun TOL yang telah ditolak;
- (v) supaya Jabatan Pengairan dan Saliran meneruskan dan mempergiatkan lagi program gotong-royong pembersihan sungai dan program *engagement* dengan penduduk tempatan khususnya pengusaha-pengusaha kebun dan NGO;
- (vi) supaya peninggalan sisa aluminium, besi dan kayu daripada struktur rumah operasi yang dimusnahkan ketika Op Gading I dan Op Gading II di kawasan hutan simpan kekal dilupuskan dan dibersihkan dengan segera;
- (vii) menyokong cadangan Seri Paduka Baginda Pemangku Raja Pahang supaya tanah kerajaan dan tanah rizab Melayu di dalam kawasan 5,580 ekar turut dikurniakan kepada bekas-bekas tentera dan polis serta bekas penjawat awam yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Pahang dan di Cameron Highlands;
- (viii) supaya Jabatan Mineral dan Geosains membantu secara berterusan sehingga siap projek mitigasi cerun di Sungai Tiang. Pihak Jabatan Mineral dan Geosains juga perlu mengambil tindakan terhadap cerun-cerun lain yang berisiko tinggi di Cameron Highlands; dan
- (ix) supaya pesawat helikopter ATM dan PDRM turut digunakan dalam membantu operasi tinjauan udara dan operasi bencana alam sekiranya diperlukan.

Status terkini Op Gading adalah seperti berikut:

- (i) pengoperasian Op Gading IV telah ditangguhkan sejak 10 Mei 2018 sehingga mendapat arahan selanjutnya daripada pihak yang

- berkenaan;
- (ii) tiada operasi merobohkan dilaksanakan dalam Op Gading III dan Op Gading IV. Sehingga bulan Mei 2018, sejumlah 119 kawasan ataupun lokasi baru berkelulusan 188.67 ekar dikesan telah dicerobohi oleh peneroka haram di kawasan Ringlet, Tanah Rata dan Ulu Telom;
 - (iii) kerja-kerja mitigasi turun di perkampungan Orang Asli Sungai Tiang bermula pada 6 Disember 2017 dan telah 20 April 2018. Sejumlah RM1.2 juta telah diperoleh daripada peruntukan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi pelaksanaan projek mitigasi ini;
 - (iv) sehingga bulan November 2017, sejumlah 7,512 pas lawatan kerja sementara telah dikeluarkan kepada pekerja warga asing di Cameron Highlands. Ini termasuk pengeluaran E-Kad kepada 785 pekerja asing hingga tempoh 30 Jun 2017. Pekerja yang telah berdaftar dengan E-Kad telah mendapat penggajian semula di bawah program *rehiring* yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan program ini telah tamat pada 31 Disember 2017;
 - (v) Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menerima sejumlah 1,153 permohonan untuk mendapatkan lesen pendudukan sementara (TOL). Daripada jumlah tersebut, sejumlah 197 permohonan telah diluluskan dan sejumlah 327 dalam proses tindakan untuk kelulusan. Manakala sejumlah 629 permohonan ditolak dan tidak dapat dilaksanakan untuk dipertimbangkan semula atas sebab permohonan dalam kawasan tadahan air di Sungai Terla, bertindih dengan kawasan hutan simpan kekal dan pemohon bukan Melayu memohon tanah rizab Melayu. Peneroka yang permohonannya ditolak dinasihati supaya memohon semula lesen pendudukan sementara untuk kawasan lain yang tidak melanggar syarat;
 - (vi) sejumlah 66 permohonan permit penggunaan daripada pengusaha-pengusaha yang telah mengusahakan lebih 30 tahun tanah di kawasan 573 ekar hutan simpan kekal di Cameron Highlands sedang dalam peringkat penilaian untuk proses kelulusan selanjutnya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang;
 - (vii) aktiviti gotong-royong di bawah program My Beautiful Cameron

Highlands telah dilaksanakan pada 28 September 2017 dan dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Pemangku Raja Pahang. Sementara itu, projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) kedua di Cameron Highlands iaitu RTB Sungai Ringlet yang bermula pada 24 Julai 2017 dengan melibatkan kos sebanyak RM53 juta kini sedang berjalan dengan lancar mengikut jadual pelaksanaan; dan

- (viii) pelupusan peninggalan sisa aluminium, besi dan kayu daripada struktur rumah plastik yang dimusnahkan ketika Op Gading I dan Op Gading II di kawasan hutan simpan kekal sedang dilaksanakan.

Sejak pelaksanaan Op Gading, tiada kejadian tanah runtuh dan banjir berlaku di Cameron Highlands. MKN selaku peneraju Op Gading telah dapat menyelaras operasi bersama-sama dengan agensi Kerajaan Negeri Pahang dan agensi Kerajaan Pusat bagi mengekang dan membendung kegiatan pencerobohan dan penerokaan tanah secara haram berleluasa, kehadiran pendatang tanpa izin dan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

Op Gading dapat meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri amat serius dalam memastikan keselamatan nyawa dan harta benda penduduk di Cameron Highlands terjamin daripada ancaman banjir dan tanah runtuh serta bencana alam lain akibat pengusahaan tanah pertanian secara haram. Selain itu, Op Gading juga adalah sebahagian daripada usaha untuk melestarikan Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan tersohor di Malaysia dan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian melalui pertanian lestari. Oleh itu menurut kementerian ini, mungkin Op Gading ini wajar diteruskan. Sekian, terima kasih.

Memohon untuk Pembinaan Jambatan Kedua di Pekan Papar

2.49 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat tengah hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengajukan permohonan untuk pembinaan jambatan kedua di Pekan Papar demi melancarkan perjalanan lalu lintas sepanjang jalan Kota Kinabalu-Papar-Beaufort atau sebaliknya.

■1450

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, jalan ini juga digunakan oleh pengguna-pengguna jalan raya dari Brunei dan Sarawak pada setiap hari. Pada waktu pagi dan petang, jalan ini terlalu sesak hingga kita boleh lihat kesesakan jalan raya sehingga beberapa kilometer panjangnya. Waktu keraian, kesesakan jalan ini akan menjadi teruk. Jalan raya

menghala ke pekan Papar memang sudah lebar dan baik tetapi jambatan yang sedia ada sekarang adalah *bottleneck* dengan izin, antara penyebab kesemua kesesakan jalan raya di pekan Papar. Dengan pembinaan jambatan kedua di pekan Papar ini, saya percaya kesesakan jalan raya di daerah pekan Papar dapat kita kurangkan dengan drastik sekali. Ini akan mempromosi keprihatinan kerajaan baharu di mata rakyat setempat dan di kawasan-kawasan lain. Pelancong-pelancong dari Brunei dan Sarawak juga akan berterima kasih atas keprihatinan kerajaan baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan pembinaan jambatan kedua ini sudah diajukan sejak 15 tahun yang lalu kepada kerajaan terdahulu, tetapi tidak diendahkan. Pembinaan jambatan kedua ini adalah salah satu isu yang kita uar-uarkan sewaktu berkempen dahulu. Sehubungan dengan itu, saya selaku wakil rakyat P.175 Papar, memohon supaya pembinaan jambatan kedua di pekan Papar mendapat perhatian dan kelulusan dari Kementerian Kerja Raya dengan seberapa segera. Sekian dari saya.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kagum dengan Ahli Yang Berhormat Papar kerana beliau bersungguh-sungguh membicarakan soal perhubungan di kawasannya. Kalau tidak salah saya, yang terakhir pun beliau mengemukakan permohonan jambatan baru juga di Papar. Kali ini beliau mengemukakan permohonan untuk sebuah jambatan di pekan Papar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum berkenaan isu kesesakan jalan raya di pekan Papar yang sering kali dibangkitkan oleh penduduk setempat. Seperti mana yang tadi juga disebut, antara penyebab kesesakan ini adalah kerana wujudnya *bottleneck* di Jambatan Papar. Jalan raya dan jambatan ini merupakan laluan utama ke Kota Kinabalu dan ia sangat sibuk terutama sekali pada waktu puncak. Jambatan ini menyeberangi Sungai Papar dan jalan raya ini adalah Jalan Pengalat-Lok Kawi yang dibina di kawasan rata dan kawasan perindustrian dan melalui kawasan perkampungan yang padat dengan penduduk melebihi 5,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat cadangan untuk membina sebuah jambatan kekal empat lorong dengan panjang dianggarkan dalam 150 meter dengan struktur merentasi Sungai Papar. Projek ini termasuk membina struktur pelindung tebing sungai dan lain-lain skop kerja yang diperlukan dengan anggaran kos projek sebanyak RM45 juta. Antara faedah yang dijangka daripada projek ini adalah dapat

mengurangkan kesesakan lalu lintas dan boleh mengurangkan masa perjalanan memandangkan jambatan sedia ada tidak dapat menampung keperluan trafik terutama sekali pada waktu puncak. Seterusnya, dengan pembinaan jambatan ini akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah program penggantian jambatan sempit dan uzur negeri Sabah, pembinaan dan penggantian jambatan-jambatan usang adalah secara berfasa dengan mengambil kira faktor keutamaan teknikal dan kewangan di negeri Sabah. Sehubungan itu, KKR melalui RMKe-9 telah melaksanakan program ini secara berperingkat mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan pembinaan jambatan kedua di Papar, Sabah, projek ini telah dikemukakan untuk tujuan kelulusan peruntukan dalam Rolling Plan 4, RMKe-11. Apa pun, keputusan bagi senarai projek RP4 ini termasuk senarai projek penggantian jambatan di Sabah hanya akan diketahui pada bulan November 2018 ini. Oleh itu, saya berdoa dan saya harap Yang Berhormat juga ikut berdoa supaya peruntukan akan ada dalam bulan November 2018 ini dan mendoakan supaya kedudukan ekonomi kita, kedudukan fiskal kita semakin mantap di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Selasa, 14 Ogos 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]